

Pelindung Persaraan

- 4 Ringkasan Korporat
- 5 Anugerah
- 6 Ringkasan Lima Tahun Kewangan
- 8 Diari Korporat 2015
- 10 Perutusan Pengerusi

“ Lembaga perlu memastikan KWSP sentiasa berpegang teguh kepada undang-undang dan peraturan, serta mematuhi tadbir urus yang betul. Ini merupakan prinsip yang membimbing tingkah laku kita. ”

Tan Sri Samsudin Osman

Pengerusi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

RINGKASAN KORPORAT

VISI & MISI



VISI

Menjadi Organisasi Keselamatan Sosial Bertaraf Dunia yang Menyediakan Simpanan Persaraan yang Terbaik bagi Rakyat Malaysia.



MISI

Menyediakan Skim Simpanan Persaraan yang Terbaik.

RINGKASAN KORPORAT

“Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ditubuhkan pada 1951 adalah salah satu tabung simpanan persaraan yang tertua dan antara yang terbesar di dunia.”

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ditubuhkan pada 1951 adalah salah satu tabung simpanan persaraan yang tertua dan antara yang terbesar di dunia. KWSP telah melalui transformasi yang ketara berbanding pada awal penubuhannya, dan sebahagian besar perubahan ini telah dipacu oleh Visi KWSP untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia yang menyediakan simpanan persaraan yang terbaik bagi rakyat Malaysia. Seiring dengan Misi KWSP untuk menyediakan Skim Simpanan Persaraan yang terbaik, KWSP telah berkembang daripada sebuah organisasi yang pada awalnya berpaksikan transaksi kepada sebuah organisasi pengurusan dana profesional dengan tumpuan terhadap jaminan persaraan.

KWSP menyelia simpanan persaraan mandatori untuk semua pekerja swasta dan tidak berpencen di negara ini. KWSP adalah berdasarkan model caruman wajib di mana kedua-dua pekerja dan majikan mencarum peratusan yang telah ditetapkan daripada gaji bulanan pekerja ke dalam akaun pekerja (ahli). Berdasarkan undang-undang, KWSP turut memastikan bahawa 536,489 majikan yang berdaftar dengannya setakat 31 Disember 2015, memenuhi tanggungjawab mereka untuk mencarum kepada simpanan persaraan pekerja mereka. Keahlian KWSP meningkat dari tahun ke tahun dan kini ahlinya telah mencecah 14,550,355 iaitu 6,794,604 merupakan ahli aktif (ahli yang mencarum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 12 bulan).

LAGU KWSP

KWSP

Kami komited
 Kami sedia berbakti
 Visi dan misi
 Terus dihayati
 Di mata dunia harapan kami

KWSP

Kami berikrar
 Nilai murni dijaga
 Telus dan integriti
 Amalan bersama
 Kualiti perkhidmatan
 Tetap diutama

Korus:

Kepada ahli
 Kepada majikan
 Janji kami
 Anda diutamakan

Berkorban pasti
 Ikhlas menabur bakti
 Bersatu hati
 Demimu KWSP

Yakin kami melangkah
 Menuju wawasan yang cemerlang
 Demi simpanan hari tua anda
 Dan pembangunan negara
 Demi KWSP yang kukuh

Nilai Bersama KWSP:



Integriti

KWSP mengamalkan polisi toleransi sifar berhubung dengan pelanggaran integriti dan etika agar dapat mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan yang tinggi di kalangan ahlinya.



Utamakan Pelanggan

KWSP beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan yang pantas, tepat dan menyenangkan kepada ahlinya secara konsisten, sama ada khidmat yang disediakan di kiosk, melalui telefon, secara bersemuka, urus niaga dalam talian, emel atau surat.



Penambahbaikan Berterusan

KWSP menggalakkan budaya yang dipacu prestasi dan memastikan warga kerjanya sentiasa menjalani latihan serta meningkatkan kemahiran agar dapat bergerak seiring dengan perubahan pesat dalam persekitaran operasi yang menggunakan teknologi terkini bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.



Semangat Kerja Berpasukan

KWSP memupuk budaya kerja berpasukan dengan menghapuskan pemikiran “silo” (keengganan berkongsi maklumat atau pengetahuan dengan pekerja lain dalam organisasi) bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan bertenaga.

Mandat yang diberikan kepada KWSP bukan sekadar memelihara, tetapi juga untuk menambah aset ahlinya. Setakat 31 Disember 2015, jumlah aset pelaburan KWSP telah mencecah RM684.53 bilion. Berpandukan polisi pelaburan yang ketat, KWSP melaburkan asetnya dalam portfolio yang selamat, namun secara relatifnya, instrumen yang memberi hasil yang tinggi. Aset KWSP terdiri daripada pelbagai jenis kelas aset yang merangkumi

bon dan sekuriti kerajaan, dengan diimbangi pelaburan dalam ekuiti, instrumen pasaran wang serta hartanah.

Biarpun umur persaraan akan tiba tidak lama lagi ataupun masih jauh, bergantung kepada demografi ahlinya, KWSP tetap beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik dengan disokong oleh operasi serta prestasi yang cekap, di mana KWSP akan terus “Memperkasakan Persaraan Anda”.



ANUGERAH



Transformation Excellence - ASSA Award
 (ASEAN Social Security Association)

PERINGKAT NASIONAL

- SGAM ICT Award bagi projek e-Pengeluaran
- Malaysia’s 100 Leading Graduate Employers (Government-Linked Companies Sector Finalist)
- Graduan Brand Awards 2014:
 - Tempat Pertama untuk Top 3 Companies by Industry (Government)
 - Tempat ke 29 untuk Top 50 Companies
 - Tempat ke 92 untuk 100 Leading Graduates Employee



PERINGKAT ANTARABANGSA

- Transformation Excellence - ASSA Award (ASEAN Social Security Association)
- HR Asia Best Companies to Work for in Asia 2015


RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN

	2011	2012	2013	2014	2015
RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN	RM' JUTA				
Pendapatan Pelaburan Kasar	27,235.30	31,024.94	35,000.36	39,076.48	44,234.03
Pendapatan Pelaburan Bersih	25,915.20	28,970.55	32,532.72	37,824.88	40,701.25
Lain-lain Pendapatan	64.19	98.81	156.63	165.82	231.71
Jumlah Pendapatan	25,979.39	29,069.36	32,689.35	37,990.69	40,932.96
Jumlah Perbelanjaan *	916.28	860.81	1,227.75	1,175.85	1,245.88
Pendapatan Bersih	25,084.43	28,208.55	31,461.60	36,814.84	39,687.08
Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli	24,466.02	27,450.92	31,200.17	36,656.46	38,243.40
RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN	RM' JUTA				
Jumlah Dana Ahli **	476,526.06	532,274.73	593,450.87	640,207.42	688,294.55
Jumlah Aset	477,683.43	536,029.19	597,820.50	646,697.25	696,113.49
Jumlah Liabiliti	1,157.37	3,754.46	4,369.63	6,489.83	7,818.94
NISBAH KEWANGAN UTAMA	SEMUA DALAM PERATUS %				
Pulangan Pelaburan	6.58	6.87	6.97	7.25	7.48
Jumlah Perbelanjaan Ke atas Jumlah Pendapatan Kasar ***	3.32	2.71	3.48	2.99	2.78
Jumlah Perbelanjaan Ke atas Jumlah Aset	0.19	0.16	0.21	0.18	0.18
Pertumbuhan Pelaburan	6.52	12.31	11.37	11.13	8.42
Kadar Dividen Tahunan	6.00	6.15	6.35	6.75	6.40

* Terdiri daripada Perbelanjaan Operasi dan Caj Berkanun.

** Terdiri daripada Akaun Caruman, Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual (mulai tahun 2010 dan seterusnya) dan Rizab Seksyen 50(3)(sehingga tahun 2011 sahaja).


*** Jumlah Pendapatan Kasar termasuk rosot nilai atas aset kewangan dicatat semula serta pembalikan rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu.



RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN


Jumlah Pendapatan

(RM' Juta)




Pendapatan Bersih

(RM' Juta)




Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli

(RM' Juta)




Jumlah Aset

(RM' Juta)




Pulangan Pelaburan

(%)



Jumlah Dana Ahli

(RM' Juta)



JANUARI



15 Perjumpaan antara Pengurusan KWSP dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

22 – **23** Persidangan Perkhidmatan KWSP

FEBRUARI

04 Lawatan daripada *National Social Security Fund of Uganda*



09 Taklimat Media Dividen 2014 KWSP



10 Pelancaran *Accelerated Development Programme (ADP)*



13 Majlis Menandatangani Perjanjian antara KWSP dan *Goodman Group*

MEI

19 – **20** Persidangan Antarabangsa Keselamatan Sosial 2015



APRIL



08 Majlis Makan Malam Anugerah Tahunan Pengurus Portfolio KWSP 2015



11 Hari Keluarga KWSP Ibu Pejabat



20 Temu ramah bersama Astro Awani mengenai inisiatif persaraan KWSP



Taklimat Media mengenai Inisiatif Penambahbaikan Skim KWSP



Taklimat kepada MTUC mengenai Inisiatif Penambahbaikan Skim KWSP

28 Lawatan Pegawai-Pegawai *Malaysian Employers Federation (MEF)* ke KWSP

MAC



09 Lawatan pegawai-pegawai daripada PT Asabri Indonesia




12 Penerimaan Sijil Audit Bersih bagi Pengauditan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara untuk tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2014



25 – **28** Persidangan Pengurusan KWSP

OGOS



Hari Terbuka
GLC



Sesi taklimat umum bersama Ketua
Pegawai Eksekutif



Lawatan
daripada
Social
Security
Office (SSO)
Thailand



Penyertaan KWSP dalam
perarakan Merdeka

SEPTEMBER



Anugerah Perkhidmatan KWSP 2014



Lawatan daripada *The Institute for the
Management of State Participations
(IGEPE), Mozambique*



Mesyuarat Lembaga Pengarah
Persatuan Keselamatan Sosial
ASEAN ke-32, 2015



Lawatan Timbalan Menteri Kewangan
II, YB Datuk Johari Abdul Ghani ke ibu
pejabat KWSP

DISEMBER



Majlis Tandatangani Ikrar Integriti
Korporat antara KWSP dan KWASA
LAND

NOVEMBER



Persidangan Panel Doktor KWSP



Lawatan Timbalan Menteri
Kewangan I, YB Datuk Chua Tee
Yong ke cawangan KWSP Petaling
Jaya

OKTOBER



Sambutan
Ulang Tahun
KWSP yang
ke-64



System Star Rating
(SSR) 2015



Seminar Pengurusan
Risiko KWSP 2015



Seminar Pengurusan
Risiko KWSP 2015



Lawatan daripada
*Malaysia Productivity
Corporation
(MPC)* bersama
*Kenya Institute of
Management (KIM)*



Persidangan Ekuiti
Persendirian Antarabangsa
2015 oleh KWSP



Kayuhan Amal KWSP 2015

PERUTUSAN PENERUSI

“KWSP menutup tahun 2015 dengan pendapatan pelaburan kasar berjumlah RM44.23 bilion dan pulangan pelaburan (ROI) yang memuaskan pada kadar 7.48%.”



Tan Sri Samsudin Osman
Pengerusi

Tahun 2015 telah diwarnai dengan pelbagai peristiwa menarik bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Banyak perkembangan yang berlaku pada tahun ini untuk menempatkan KWSP pada kedudukan yang lebih baik pada masa hadapan. Pencapaian prestasi KWSP pada tahun ini boleh dianggap sederhana memandangkan kami beroperasi dalam keadaan ekonomi yang bergelora. KWSP menutup tahun 2015 dengan pendapatan pelaburan kasar berjumlah RM44.23 bilion dan pulangan pelaburan (ROI) yang memuaskan pada kadar 7.48%.

Sejajar dengan perubahan aspirasi di kalangan ahlinya, maka KWSP turut sama berkembang. Kecekapan operasi telah melalui proses penambahbaikan yang ketara dengan penambahan sejumlah e-perkhidmatan bagi memenuhi pelbagai demografi ahlinya. Teknologi juga memainkan peranan penting dalam perkembangan KWSP dengan menjadikan segala proses interaksi serta transaksi lebih mudah dan lancar.

TADBIR URUS DAN INTEGRITI

Tadbir urus yang baik serta integriti adalah penting kepada KWSP dalam memainkan peranannya sebagai sebuah badan berkanun yang diamanahkan untuk melindungi dan meningkatkan nilai simpanan ahlinya. Justeru, KWSP telah memperuntukkan masa dan usaha mengkaji semula rangka kerja tadbir urus KWSP yang dibentuk bersandarkan nilai terasnya - Utamakan Pelanggan, Penambahbaikan Berterusan, Integriti serta Semangat Kerja Berpasukan. Ini bukanlah nilai yang berubah dari semasa ke semasa, situasi ke situasi atau individu ke individu, sebaliknya, ia membentuk asas budaya KWSP. Ia menjadi tunjang yang menentukan bagaimana kami menjalankan perniagaan dan membantu menetapkan batas sempadan yang jelas tentang harapan KWSP terhadap tingkah laku dan perwatakan warga kerjanya.

Dalam usaha untuk menanamkan keyakinan dan kepercayaan ahli tentang keputusan yang diambilnya, KWSP telah menetapkan matlamat untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat yang baik, di samping mempertahankan integriti dalam setiap perkara yang dilakukan. Pada Disember 2015, KWSP telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP)


bersaksikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi mengukuhkan iltizam KWSP dalam mendukung integriti yang merupakan unsur penting bagi menghasilkan perniagaan yang berjaya serta persekitaran operasi yang telus, yang mematuhi standard tadbir urus global.

Tahun 2015 turut menyaksikan KWSP menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam membuat pertimbangan dan keputusan berkaitan pelaburan, di mana usaha ini dapat memberi pemahaman yang mendalam kepada pihak berkepentingan tentang tahap kualiti serta proses pemikiran yang membentuk pengurusan, budaya korporat dan profil risiko KWSP.

KESELAMATAN SOSIAL DAN PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Perubahan yang berlaku dalam persekitaran sosioekonomi telah bertambah berlipat kali ganda dan KWSP sentiasa peka tentang strategi terbaharu yang relevan agar ia dapat memperkenalkan inisiatif dalam menghadapi isu yang berkisar tentang kesejahteraan hidup ahli setelah bersara. Salah satu inisiatif tersebut adalah pelaksanaan Perundingan dengan Ahli yang diadakan berikutan pengumuman empat inisiatif penambahbaikan terhadap Akta KWSP 1991 pada April 2015.

PERUTUSAN Pengerusi



Adalah penting bagi ahli KWSP untuk turut terlibat dalam proses membuat keputusan yang memberi kesan kepada mereka sebelum cadangan tersebut dibawa ke Parlimen pada bulan November. Langkah tersebut memerlukan ahli KWSP mengundi dan memberi maklum balas terhadap empat inisiatif yang dicadangkan. Undian

Tahun kewangan ini turut menyaksikan KWSP meningkatkan lagi usaha dalam menarik penglibatan pihak berkepentingan yang utama, di mana KWSP telah mengadakan taklimat dan perbincangan dengan pihak Kerajaan, parti politik daripada kedua-dua belah pihak, agensi berkaitan, serta kumpulan dan persatuan - swasta serta institusi berkaitan.

MEMUDAHKAN OPERASI KWSP

Tahun 2015 menyaksikan anjakan yang penting dalam cara KWSP berurusan dengan ahlinya. KWSP telah mempermudah proses manakala terus mempertingkatkan dan membangunkan perkhidmatan elektronik bagi memacu kecekapan operasinya, sehingga membolehkan KWSP meluaskan jangkauan serta akses kepada ahlinya.

“Kemudahan i-Akaun KWSP kini menjadi gerbang kepada semua perkhidmatan elektronik, iaitu e-Caruman, yang membolehkan majikan menghantar butiran caruman dan membuat bayaran dalam talian, manakala e-Pengeluaran pula adalah untuk ahli menghantar permohonan pengeluaran dalam talian.”

tersebut dibuka selama dua minggu dan setelah ditutup, sejumlah 96,448 ahli KWSP telah mengambil bahagian, lantas menjadikannya perundingan awam terbesar seumpamanya yang pernah diadakan dalam negara.

Penemuan paling menarik yang diperoleh daripada tindakan tersebut adalah demografi responden: lebih daripada 65% responden berusia antara 21 dan 40 tahun, 25% antara 41 dan 50 tahun, dan hanya 10% berusia lebih 50 tahun. Ini adalah petunjuk yang jelas bahawa generasi muda memandang isu persaraan ini dengan lebih serius, dan ini merupakan suatu tanda positif kerana ia adalah selaras dengan aspirasi KWSP untuk menjadikan isu persaraan sebagai agenda generasi muda.

Paling utama, tindakan perundingan dengan ahli telah memberi KWSP perspektif baharu tentang bagaimana ia dapat memahami dan mengurus pendapat, keperluan serta harapan pihak berkepentingan dan ahlinya dengan lebih baik. Sekurang-kurangnya, isu keselamatan sosial kini menjadi satu topik perbualan utama dan menjadi bahan bahas, baik dalam forum tertutup mahupun terbuka. Jika dilihat dari pelbagai sudut, keadaan ini akan menjadikannya lebih mudah bagi agensi kerajaan serta organisasi seperti KWSP untuk terus menentang agenda keselamatan sosial di peringkat lebih tinggi.

Kemudahan i-Akaun KWSP kini menjadi gerbang kepada semua perkhidmatan elektronik, iaitu e-Caruman, yang membolehkan majikan menghantar butiran caruman dan membuat bayaran dalam talian, manakala e-Pengeluaran pula adalah untuk ahli menghantar permohonan pengeluaran dalam talian. Kami turut melancarkan Portal Informasi Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP) bagi menggalakkan ahli melakukan penyelidikan mereka sendiri tentang dana amanah saham yang ditawarkan di bawah skim ini. Portal tersebut dapat membantu mereka membuat pilihan secara bijaksana sebelum membuat keputusan untuk memindahkan sebahagian daripada simpanan mereka dalam Akaun 1 untuk pelaburan.

Saya juga berasa bangga memaklumkan bahawa kami telah membuka lima lagi unit Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) bertempat di cawangan KWSP di Johor Bahru, Kuantan, Ipoh, Kota Kinabalu serta Seberang Jaya. Ini adalah penambahan kepada dua cawangan awal yang terdapat di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Maklum balas positif yang diterima daripada ahli yang telah pun mendapatkan khidmat nasihat daripada para pegawai RAS KWSP yang cukup terlatih nyata amat menggalakkan, dan saya berkeyakinan tinggi bahawa KWSP berada pada landasan yang tepat untuk memastikan bahawa ahli KWSP mendapat nasihat terbaik untuk rancangan persaraan mereka.

PERUTUSAN Pengerusi

MEMBINA KECEKAPAN

Kemajuan dan pertumbuhan yang ketara telah berlaku sepanjang 2015, dan momentum ini hanya mampu dikekalkan menerusi usaha sebuah tenaga kerja yang bersepadu dan benar-benar menghidupkan dan menghayati budaya serta nilai KWSP. Sebahagian besar daripada kemajuan yang ditempa adalah disebabkan adanya sepasukan individu yang memiliki motivasi diri sehingga mampu meraih dan mengekalkan kecemerlangan dari segi operasi dan dalam menyampaikan khidmat kepada pelanggan, yang mana ia telah membantu membina KWSP menjadi sebuah organisasi yang mampan dan bersifat global sepertimana adanya pada hari ini.

Usaha berterusan untuk membangunkan kapasiti modal insan dengan pengambilan staf berkebolehan serta usaha berterusan dalam meningkatkan kemahiran dan kecekapan yang bukan sekadar memberi kesan kepada organisasi, malah turut membolehkan kami meraih anugerah "HR Asia Best Companies to Work For in Asia 2015". Kami menerima anugerah ini dengan rasa gembira dan rendah diri; sebagai sebahagian daripada pihak pengurusan dan pemimpin di KWSP, kami mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan standard kecemerlangan yang tiada cacat celanya di samping memainkan peranan penting dalam menyebarkan nilai korporat KWSP.



Model tradisional ASK - Sikap (*Attitude*), Kemahiran (*Skills*) dan Pengetahuan (*Knowledge*) - suatu konsep yang popular pada tahun 1980an, jelas masih diterapkan di KWSP dengan terus memberi sumbangan dalam membentuk pertumbuhan dan membina rangka kerja kecekapan KWSP. Warga kerja KWSP telah dilatih semula dan kemahiran serta pengetahuan mereka dipertingkatkan, di samping memupuk dan menggalakkan sikap positif terhadap kerja. Selain memberi nafas baharu, KWSP juga telah merangka program baharu bagi memastikan nilai KWSP ini dihayati dari segala segi di seluruh organisasi.

MENCAPAI KETINGGIAN NILAI

Sepanjang perkhidmatan saya di KWSP, saya telah mengenali dan menghargai Kumpulan Wang Simpanan ini sebagai sebuah organisasi di mana budaya pelaburan yang teguh menjadi pemangkinnya. Sebagai sebuah tabung persaraan, sebahagian besar daripada aset pelaburan KWSP ditempatkan dalam instrumen berisiko rendah, namun mampan dan dapat memberi aliran pendapatan yang mantap dalam jangka masa panjang.

Persekitaran luar yang amat sukar pada 2015 benar-benar memberi cabaran kepada perniagaan. Namun di sebalik rintangan ini, kami berjaya menjana 7.48% pulangan pelaburan (ROI). Berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) dan digabung pula dengan pendekatan yang berdisiplin dalam pelaburan, KWSP berupaya meraih sejumlah RM44.23 bilion dalam pendapatan pelaburan kasar, yakni meningkat 13.20% berbanding 2014. Sementara itu, pelaburan kami di luar negara telah menyumbang kira-kira 48% daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar KWSP dan membantu mengurangkan kesan prestasi aset domestik yang agak tidak memberansangkan.

KWSP turut menempa kemajuan dalam mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai rakan pelaburan yang aktif. Dengan memanfaatkan hubungan perniagaan yang terjalin di luar negara, KWSP memainkan peranan menggalakkan pelaburan asing di Malaysia. Satu contoh utama adalah kami telah memulakan usaha niaga dalam bidang hab logistik bersama Kumpulan Goodman dari Australia.

Namun, apa yang lebih penting bagi ahli KWSP ialah iltizam KWSP untuk memberi dividen sebenar yang tidak kurang daripada 2% untuk tempoh purata tiga tahun berturut-turut serta dividen nominal melebihi 2.5%. Pada tahun ini, kami mengisytiharkan dividen sebanyak 6.40% kepada ahli KWSP yang mencecah 14,550,355 orang, dengan bayaran berjumlah RM38.24 bilion.

Dividen

Kami mengisytiharkan dividen sebanyak **6.40%** kepada ahli KWSP yang mencecah

14,550,355

orang, dengan bayaran berjumlah

RM38.24
bilion

PERUTUSAN Pengerusi

TAHUN Mendatang

Pada 2016, ekonomi global berkemungkinan berhadapan dengan pemulihan yang agak perlahan dan tidak sekata. Keadaan ini akan menjadikannya lebih mencabar bagi KWSP untuk menguruskan dananya yang semakin berkembang. Namun, KWSP akan membuat penyesuaian yang wajar terhadap strateginya agar ia dapat menghasilkan pertumbuhan yang mampan, jika tidak pertumbuhan yang sederhana dalam prestasi kewangannya.

Walau bagaimanapun, KWSP tidak akan patah semangat. Malah, KWSP akan lebih bermotivasi untuk bekerja lebih tekun demi memenuhi janjinya. Untuk mencorakkan perubahan pastinya mengambil masa dan memerlukan bentuk pemikiran baharu yang dipacu oleh usaha. Peranan KWSP sebagai tabung persaraan yang terbesar dalam negara dan yang ketujuh terbesar di dunia tidak harus dipandang remeh; kami akan terus mengemukakan cadangan dan melaksanakan inisiatif yang akan menjaga mereka yang bakal menjadi warga emas serta generasi muda.



“KWSP akan terus memudahkan proses serta operasinya dalam usaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatannya, dan berterusan memanfaatkan teknologi dengan melancarkan lebih banyak perkhidmatan elektronik yang mudah diguna.”

KWSP akan terus memudahkan proses serta operasinya dalam usaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatannya, dan berterusan memanfaatkan teknologi dengan melancarkan lebih banyak perkhidmatan elektronik yang mudah diguna. Berlatarkan perubahan pesat dalam demografi ahli, pendapatan persaraan yang tidak mencukupi serta sistem sosial yang kompleks, harapan kami adalah untuk membentuk peranan KWSP yang lebih ketara sebagai tabung persaraan di Malaysia dan di peringkat global.

Bersandarkan asas kepimpinan yang berkemampuan dan ditunjangi oleh tenaga kerja yang teguh, saya yakin KWSP berupaya mengekalkan prestasi operasi dan kewangannya di tahap yang tinggi untuk menempatkan KWSP pada kedudukan yang selesa dalam menggapai pertumbuhan masa depan.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan di atas sumbangan mereka yang telah menggerakkan KWSP sehingga berada pada kedudukannya hari ini.

Kami amat menghargai sokongan yang telah diberikan oleh Kerajaan serta agensinya, terutamanya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia kerana terus melibatkan kami dalam hal berkaitan kepentingan negara dan membantu kami memperjuangkan kesejahteraan persaraan ahli kami.

Sebagai Pengerusi, saya ingin mengalu-alukan kehadiran ahli Lembaga dan Panel Pelaburan yang baharu dilantik di KWSP dan pada masa yang sama, saya mengucapkan

terima kasih kepada ahli lembaga dan panel pelaburan yang menamatkan perkhidmatan, atas segala sumbangan yang dicurahkan selama mereka memegang jawatan di KWSP.

Ucapan terima kasih yang seikhlasnya saya tujukan kepada Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan di atas kepimpinan yang strategik dan keupayaan beliau mengemudi organisasi ke arah yang tepat dalam usaha kami untuk menjadi organisasi bertaraf dunia. Penghargaan yang setulusnya saya tujukan kepada setiap seorang daripada pihak pengurusan dan warga kerja KWSP di atas usaha, iltizam serta dedikasi mereka dalam menjadikan KWSP organisasi yang disegani sepertimana adanya hari ini.


Terima kasih kepada semua di atas penglibatan dan sumbangan anda, di mana, tanpanya, KWSP tidak akan dapat mengecap kejayaan yang dinikmati hari ini. Marilah kita terus dan kekal bekerja dengan baik serta mempertahankan iltizam dan tabah dalam usaha KWSP untuk memperkasa masa depan ahlinya.

Tan Sri Samsudin Osman

Pengerusi

B KADAR DIVIDEN

KADAR DIVIDEN
(%)



KADAR DIVIDEN
(%)

